

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
PEMBEKALAN DIKECUALIKAN

Barang

1. Tanah digunakan bagi tujuan kediaman atau pertanian atau kegunaan am.
2. Bangunan digunakan bagi tujuan kediaman.

Nota:

Kegunaan am ertinya penggunaan tanah bagi tujuan tanah perkuburan, taman permainan atau membina rumah ibadat.

Perkhidmatan

A. Perkhidmatan Kewangan

1. Operasi apa-apa akaun semasa, deposit atau simpanan.
2. Penyediaan apa-apa pinjaman, pendahuluan atau kredit atau kemudahan serupa.
3. Penyediaan apa-apa kemudahan ansuran kredit kewangan dalam suatu perjanjian sewa beli, jualan bersyarat, jualan kredit atau pajakan jika suatu keuntungan atau apa-apa caj lain yang serupa dinyatakan secara berasingan kepada penerima pembekalan barang itu.
4. Pemindahan pemilikan apa-apa nota atau arahan bagi pembayaran.
5. Pertukaran matawang atau pertukaran hak milik apa-apa terbitan berhubung dengan pertukaran matawang (samada disebabkan oleh pertukaran wang kertas, mata wang kertas atau syiling, dengan mengkreditkan atau mendebitkan akaun atau selainnya) selain pembekalan wang kertas atau syiling sebagai suatu digemari pengumpul, artikel pelaburan atau item yang bernilai *numismatic*.
6. Pertukaran pemilikan apa-apa hak atau terbitan berhubung dengan suatu tanggung jawab bagi membayar keuntungan atau caj serupa.

7. Pegangan bon, debentur, wang kertas atau alat serupa mewakili atau yang membuktikan keberhutangan, samada dijamin atau selainnya.
8. Pemindahan hak milik apa-apa sekuriti atau pemindahan hak milik terbitan berhubung dengan sekuriti.
9. Pemindahan hak milik kontrak ke hadapan atau pemindahan hak milik terbitan berhubung dengan komoditi kecuali bagi penyelesaian apa-apa kontrak ke hadapan dengan cara penghantaran fizikal komoditi.
10. Pengeluaran, pemegangan atau penebusan apa-apa unit atau alat serupa lain di bawah suatu dana amanah.
11. Penyediaan apa-apa insurans nyawa atau peninsuranaan nyawa semula.
12. Apa-apa rujukan bagi peruntukan di bawah senarai ini hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada mana-mana rujukan melibatkan transaksi yang dijalankan menurut prinsip Syariah.

Dengan syarat pembekalan perkhidmatan di perenggan di atas tidak disifatkan sebagai suatu pembekalan dikecualikan setakat balasan yang kena dibayar itu bagi penggunaan atau penyediaan kemudahan, pengaturan, pengantaraan, penajaan jamin, atau nasihat ke atas apa-apa pembekalan yang disebut, adalah apa-apa fi, komisen, diskaun atau caj serupa yang lain.

Nota:

- i. “Sekuriti” ertinya:
 - (a) sekuriti hutang dalam bentuk bon, debentur, wang kertas atau alat serupa lain mewakili atau pembuktian keberhutangan; atau
 - (b) sekuriti ekuiti dalam bentuk saham atau stok pinjaman.
- ii. “Terbitan” adalah sekuriti yang menerbitkan nilai daripada nilai atau pulangan aset lain atau sekuriti jika aset yang disebut boleh menjadi aset fizikal yang melibatkan komoditi pertanian, logam dan sumber tenaga atau aset kewangan yang termasuk stok, bon matawang atau faedah.

B. Perkhidmatan Pendidikan

1. Perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan berhubung dengan pendidikan disediakan kepada pelajar oleh pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta berdaftar di bawah Akta

Pendidikan 1996, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 atau Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri.

2. Perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan berhubung dengan pendidikan tinggi disediakan kepada pelajar oleh institusi pendidikan tinggi swasta yang diluluskan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996.
3. Makanan dan minuman dibekalkan oleh operator kantin di pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 atau Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam Negeri.

Nota:

- i. “Pra-sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah swasta” ertinya sebuah sekolah atau institusi pendidikan sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Pendidikan 1996.
- ii. “Institusi pendidikan” ertinya sebuah sekolah atau apa-apa tempat lain jika, dalam menjalankan kerja suatu organisasi atau institusi, orang-orang lazimnya diajar, samada dalam satu atau lebih kelas, dan termasuk sebuah taman didikan kanak-kanak dan sebuah pusat pendidikan jarak jauh tetapi tidak termasuk:
 - (a) apa-apa tempat jika pengajaran itu terhad secara eksklusif bagi pengajaran apa-apa ugama; atau
 - (b) apa-apa tempat disyihar oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta sebagai bukan sebuah institusi pendidikan bagi tujuan Akta Pendidikan 1996.
- iii. Perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan berhubung pendidikan dalam perenggan (i) dan (ii) dalam senarai ini termasuk:
 - (a) pendidikan pra sekolah, sekolah rendah dan menengah dibuat menurut kurikulum sebagaimana yang ditetapkan Akta Pendidikan 1996;
 - (b) pendidikan tinggi dibuat menurut kursus sebagaimana disebut di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996;
 - (c) kurikulum dan bahan kursus;
 - (d) lawatan atau kegiatan luar;
 - (e) penyediaan makanan dan penginapan;
 - (f) pengangkutan;

- (g) perkhidmatan pentadbiran;
- (h) perkhidmatan peperiksaan; dan
- (i) pembekalan perkhidmatan membersihkan dan menyelenggara, elektrik, gas, pendingin udara sebagai sebahagian daripada penyediaan penginapan pelajar.

C. Perkhidmatan Penjagaan Kanak-kanak

Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak disediakan oleh pusat penjagaan kanak-kanak berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

Nota:

- i. “Pusat penjagaan kanak-kanak” mempunyai erti yang sama yang ditetapkan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.
- ii. “Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak” adalah perkhidmatan apa-apa bentuk penjagaan kanak-kanak separuh masa atau asas harian dengan bayaran atau sebagai manfaat pekerjaan.

D. Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Perkhidmatan penjagaan kesihatan disediakan oleh kemudahan penjagaan kesihatan swasta.

Nota:

- i. Perkhidmatan penjagaan kesihatan termasuk:
 - (a) perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, bidan, *allied health*, farmasi, ambulan dan apa-apa perkhidmatan lain disediakan oleh suatu profesional penjagaan kesihatan;
 - (b) apa-apa penginapan dan makanan bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan;
 - (c) apa-apa perkhidmatan saringan, pemeriksaan, atau rawatan seseorang yang mengidap apa-apa penyakit, kecederaan atau keupayaan akal dan badan;
 - (d) apa-apa perkhidmatan bagi tujuan mencegah atau menggalakkan kesihatan;
 - (e) apa-apa perkhidmatan disediakan oleh kemudahan penjagaan kesihatan swasta;

- (f) apa-apa perkhidmatan bagi memulihkan atau meringankan apa-apa keadaan luar biasa pada tubuh manusia dengan memakaikan apa-apa aparatus, kelengkapan, alat atau benda atau apa-apa teknologi perubatan lain; dan
- (g) apa-apa perkhidmatan berhubung penjagaan kesihatan yang termasuk pembekalan ubat dan ubatan, perkhidmatan hemodialisis dan perkhidmatan bank darah.
- ii. “Kemudahan penjagaan kesihatan swasta” mempunyai erti yang sama yang ditetapkan di bawah seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan 1998.
- iii. Profesional penjagaan kesihatan termasuk:
 - (a) pengamal perubatan, pengamal pergigian, ahli farmasi, ahli psikologi, jururawat, bidan, penolong perubatan, ahli phisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan lain-lain profesional penjagaan kesihatan bersekutu dan lain-lain orang yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan, pergigian, ilmu ubat atau lain-lain penjagaan kesihatan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan; dan
 - (b) ahli optometris berdaftar di bawah Akta Optik 1991.

E. Tanah Perumahan atau Bangunan Kediaman, Tanah Pertanian dan Tanah Kegunaan Am

1. Pemberian apa-apa hak ke atas tanah atau apa-apa lesen menduduki tanah atau bangunan bagi tujuan kediaman.
2. Pemberian apa-apa hak ke atas tanah atau lesen untuk menduduki tanah bagi tujuan pertanian.
3. Pemberian apa-apa hak ke atas tanah atau lesen untuk menduduki tanah diniatkan bagi kegunaan am.
4. Pembekalan perkhidmatan kepada pemilik di perumahan kos rendah atau pertengahan dipegang di bawah strata hak oleh perbadanan pengurusan dan badan pentadbiran bersama.

Nota:

- i. Kegunaan am ertinya penggunaan tanah bagi tujuan tanah perkuburan, taman permainan atau membina rumah ibadat.
- ii. Perumahan kos rendah dan pertengahan ertinya perumahan kos rendah sebagaimana yang dirujuk dalam Piawaan Perumahan Nasional Bagi Kos Rendah atau Perumahan Kos Pertengahan Rendah, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

F. Penginapan

Pemberian apa-apa hak atau apa-apa lesen untuk menduduki hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan, pangsapuri perkhidmatan, pangsapuri kedai atau establismen dengan pengurusan pengawalan serupa di bawah suatu kontrak bagi jangka masa dua puluh lapan hari atau lebih, digunakan sebahagian besarnya sebagai tempat tinggal atau kediaman bagi mana-mana individu.

Nota:

- i. “Pangsapuri berperkhidmatan” ertinya apa-apa bangunan di bawah suatuhak milik perdagangan tetapi dihuni atau diniatkan untuk dihuni sebagai tempat tinggal.
- ii. “Pangsapuri kedai” ertinya sebuah pangsapuri terletak di atas suatu premis perdagangan di bawah suatu hak milik perdagangan dan ia diniatkan untuk dihuni sebagai suatu tempat tinggal.

G. Perkhidmatan Pengangkutan

1. Perkhidmatan pengangkutan penumpang:

- (a) dalam apa-apa kenderaan dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sebagai:
 - (i) bas tidak termasuk bas catar;
 - (ii) teksi tidak termasuk teksi lapangan terbang, teksi mewah dan kereta sewa dan pandu;
- (b) oleh suatu syarikat laluan rel berlesen di bawah Akta Laluan Rel 1991; dan
- (c) dalam apa-apa kapal atau pangangkutan di air berlesen sebagai kapal penumpang di bawah Ordinan Saudagar Perkapalan 1952 dan Ordinan Perkapalan 1960 (bagi Sabah dan Sarawak) tetapi tidak termasuk kapal atau pengangkutan di air bagi tujuan rekreasi atau santai.

H. Lebuhraya atau Jambatan Bertol

Pemberian apa-apa hak untuk mengguna lebuhraya atau jambatan bertol.

I. Perkhidmatan Pengkebumian, Perkuburan dan Pembakaran Mayat

1. Apa-apa pembekalan perkhidmatan dalam suatu pakej berhubung dengan upacara dan penghormatan, pelupusan jenazah atau upacara peringatan.
2. Program perancangan pra keperluan pengkebumian.

Nota:

“Program perancangan pra keperluan pengkebumian” adalah bererti penempatan kolumbarium atau plot tanah perkuburan.

J. Pembekalan yang dibuat oleh Pertubuhan dan Organisasi Serupa

Pembekalan barang dan perkhidmatan tertentu kepada ahlinya, jika manfaat pembekalan sedemikian adalah penting, yang berhubung dengan matlamat dan tersedia tanpa bayaran selain suatu langganan keahlian oleh mana-mana pertubuhan atau organisasi berdaftar di bawah mana-mana undang-undang berikut:

- (a) kesatuan perdagangan atau organisasi perorangan lain yang mempunyai objektif utamanya bagi pihak ahlinya adalah terma dan syarat pekerjaan mereka;
- (b) persatuan profesional, yang keahliannya sepenuhnya atau terutamanya dihadkan kepada individu yang mempunyai atau cuba mendapatkan kelayakan sesuai dengan amalan profesion berkenaan;
- (c) suatu persatuan, yang tujuan utamanya adalah perlanjutan suatu cabang pengetahuan tertentu, atau menggalakkan kepakaran professional, berhubung dengan profesion atau pekerjaan semasa atau silam ahlinya; atau
- (d) suatu persatuan perdagangan, yang tujuan utamanya untuk menjaga atau menggalak perniagaan ahlinya.

Nota:

- i. Butiran di atas tidak termasuk apa-apa hak memasuki mana-mana premis, acara atau persembahan, yang bukan ahli dibenarkan masuk dengan balasan.
- ii. “Kesatuan perdagangan” mempunyai erti yang ditetapkan kepadanya oleh seksyen 2 Akta Kesatuan Perdagangan 1959.
- iii. “Persatuan perdagangan” mempunyai erti yang ditetapkan kepadanya oleh seksyen 53(3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

- iv. “Langganan keahlian” hendaklah termasuk suatu gabungan atau levi bagi persatuan atau organisasi serupa, keahlian yang mengandungi sepenuhnya atau khusus bagi pengundi atau persatuan yang bergabung.
- v. Perenggan (c) tidak terpakai kecuali pertubuhan itu menghadkan keahliannya sepenuhnya atau khusus untuk individu yang mempunyai profesion atau pekerjaan semasa atau silam yang secara terus berhubung dengan tujuan pertubuhan itu.

DRAFT